

BENGGEL besi buruk yang beroperasi dipercayai secara haram di Semenyih.



Bengkel haram bising

Berita Harian Dil. n 11/05/2010 M/S 8

Operasi penyelenggaraan lori bermula jam 10 malam hingga 5 pagi

Oleh Sarah Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

SEMENYIH: Bunyi bising sehingga jam 5 pagi dan habuk dari bengkel membaiki lori yang dipercayai dibina secara haram berhampiran kawasan perumahan Kampung Sireh dekat sini mengganggu kehidupan seharian penduduk.

Difahamkan bengkel terbabit yang wujud sejak empat tahun lalu memulakan operasi perniagaannya pada jam 10 malam hingga awal pagi. Seorang penduduk, Choo

Sing Choy, 53, berkata keluarganya terpaksa mendengar bising yang dipercayai berpunca daripada kerja penyelenggaraan lori dari bengkel haram itu setiap hari.

“Anak saya yang masih bersekolah tidak dapat tidur lena kerana bunyi bising dari bengkel terbabit. Ia menyebabkan prestasi pembelajaran mereka terganggu kerana sering mengantuk dalam kelas akibat terjaga daripada tidur.

“Saya ada menegur pengusaha bengkel itu supaya memberhentikan kerja penyelenggaraan lori yang meng-

ganggu ketenteraman penduduk di kampung ini, namun saya dimarahi,” katanya kepada *Sentral* di sini.

Pendapat itu disokong jirannya, Foong Chee Wye, 27, yang melahirkan rasa tidak puas hati dengan sikap sambil lewa yang diambil Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) terhadap pengusaha bengkel haram di kawasan kampung mereka.

“Bukan saja masalah bengkel yang membuat bising pada setiap malam, malah ada juga bengkel besi buruk yang beroperasi di tapak perumahan

sejak beberapa tahun dulu.

“Saya musykil bagaimana MPKJ tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha bengkel dan kilang haram ini yang membina premis tanpa kebenaran di kawasan perumahan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKKP) Kampung Sireh, Krishnan Ramasamy, berkata sebagai pengerusi JKKKP, pihaknya berharap masalah yang mengganggu ketenteraman penduduk terbabit mendapat perhatian MPKJ.